

## **TEKS UCAPAN**

**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri***

**Di Sesi Perjumpaan Bersama  
Pengurus-Pengurus Syarikat Perniagaan**

**Pada Hari Khamis, 22 September 2011  
Bersamaan 23 Syawal 1432**

**Jam 2.00 petang**

**Di Tingkat 6, Dewan Serbaguna,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya sukacita mengalu-alukan kehadiran pengurus-pengurus syarikat perniagaan dalam perjumpaan kita petang ini. Saya berterima kasih atas sambutan yang diberikan kepada usaha mengadakan perjumpaan ini.

Syukurlah kita dapat berjumpa hari ini. Saya menyebutkan 'kita' dengan maksud menekankan bahawa kita ini adalah pihak-pihak yang berkenaan dengan pekerjaan. Tuan/Puan adalah majikan. Kami adalah pelaksana dan pemudah cara ehwal pekerjaan dalam sektor swasta.

Maka perjumpaan kita ini memberi kesempatan kepada kami menerangkan rancangan untuk memberi pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap yang mencari kerja.

Kami sedar kami memerlukan sokongan Tuan/Puan.

Dan kami harap sokongan Tuan/Puan itu adalah *genuine*. Tuan/Puan juga sedar ramai anak negeri ini yang memerlukan pekerjaan untuk menyara diri dan keluarga mereka.

Sehingga penghujung tahun lepas (2010) pihak kami ada mencatatkan seramai hampir enam ribu (5951) orang yang mencari kerja dan meminta kami menolong mereka mendapatkan kerja. Hampir sembilan puluh persen (89.4%) adalah lepasan sekolah Tingkatan V dan ke bawah.

Tentu sahaja kami melihat kepada peluang-peluang pekerjaan yang ada di syarikat-syarikat.

Kami mendapati ada banyak peluang itu.

Kami berpendapat bahawa sebahagian peluang kerja itu sudah patut diberikan kepada anak-anak negeri ini yang sanggup bekerja dalam bidang kerja yang mereka gemari.

### ***Pendekatan Realistik***

Oleh kerana itu dalam usaha mencari mereka kerja kami memilih pendekatan yang realistik.

Maksudnya: kami kenal pasti bidang-bidang kerja yang mereka gemari dan sanggupi itu. Kami berikan mereka latihan. Sambil itu kami kenal pasti majikan-majikan yang berpotensi untuk mengambil mereka bekerja.

Kami juga mendapati ada majikan yang telah mengambil inisiatif sendiri memberikan pekerjaan kepada pencari-pencari kerja tempatan. Kami alu-alukan inisiatif positif mereka itu.

Ada juga majikan, seperti Syarikat United Borneo Enterprise, yang menerima peserta-peserta yang mengikuti latihan kerja pembersihan am secara penempatan kerja (on job attachment) di syarikatnya dan seterusnya mengambil mereka bekerja selepas latihan itu.

Dan dalam acara hari ini kita akan menyaksikan empat lagi syarikat iaitu Ben Foods (B) Sdn. Bhd., First Emporium and Supermarket, Hua Ho Department Store dan Sim Kim Huat Trading Company Sdn. Bhd. akan menandatangani dokumen latihan kerja dengan beberapa orang yang pencari-pencari kerja. Syarikat-syarikat berkenaan itu adalah majikan-majikan yang berpotensi besar untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan. Kerana itu kami sangat menghargai kesediaan mereka.

Pendek kata: adalah sangat penting kita usahakan rancangan memberi pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap secara saling bekerjasama antara pihak Kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta.

Dan yang sangat penting juga ialah kesediaan pencari-pencari kerja itu sendiri mereka mestilah bersikap positif terhadap pekerjaan di sektor swasta. Mereka mestilah merebut peluang yang ada. Sekali mereka mendapatnya hendaklah tidak melepaskannya.

## ***Mengubah Sikap***

Artinya: Mereka mesti sedar yang mereka itu mahu bekerja kerana itu mereka mencari kerja. Apabila ada peluang bekerja mereka hendaklah merebutnya. Ada latihan diberikan. Ikuti latihan itu. Ada majikan mengambil mereka bekerja maka bekerjalah dengan baik, rajin dan patuh kepada majikan itu.

Di pihak majikan pula adalah sangat penting mereka memahami masalah pekerja tempatan. Cakap-cakap mengenai mutu kerja pekerja-pekerja tempatan tidak sebanding dengan mutu kerja pekerja-pekerja asing sudah patut dikurangkan kalau pun tidak dihentikan. Cakap-cakap sedemikian itu kalau betul pun namun tidak semestinya tepat seratus peratus.

Ada faktor-faktor tertentu yang mesti kita lihat dan timbangkan dengan adil dan bijaksana. Khasnya faktor budaya dan motivasi.

Pada hemat saya, kita tidak perlu lagi menyebutkan kekurangan-kekurangan pekerja tempatan berbanding dengan pekerja asing. Tanggungjawab berat kita ialah membudayakan anak-anak tempatan gemar, sanggup dan taat bekerja di sektor swasta.

Dan sama beratnya ialah membudayakan majikan-majikan menerima anak-anak tempatan bekerja dengan senang hati, memahami masalah budaya dan motivasi mereka.

Pendek kata mesti ada sikap *give dan take*, bertimbang rasa dan toleransi.

Maka dalam semangat itulah kami mengusahakan pendekatan yang realistik ini.

Kami kenal pasti bidang-bidang pekerjaan yang digemari dan disanggupi oleh pencari-pencari kerja tempatan. Kami berikan mereka latihan. Kami kenal pasti bakal-bakal majikan. Dan kami minta majikan-majikan memahami dan menyokong sepenuhnya usaha kami ini.

### ***Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP)***

Kita memang sedia mempunyai Skim Latihan dan Pekerjaan. Dan skim SLP itu telah dikemaskan baru-baru ini dengan mengambil kira titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-65 Tahun baru-baru ini, iaitu memberikan insentif kewangan kepada anak-anak tempatan yang telah dilatih dengan kemahiran, asalkan mereka itu terus bekerja di sektor swasta.

Skim itu meliputi latihan kemahiran selama 5 – 14 hari bekerja dengan diberikan elaun sebanyak \$5 sehari. Diikuti dengan Latihan Sambil Bekerja (OJT) selama 6 bulan dengan diberikan elaun 35% oleh majikan, 65% lagi oleh Kerajaan dari jumlah gaji yang dibayar setiap bulan. Kemudian untuk menggalakkan pekerja tempatan itu kekal bekerja selama sekurang-kurangnya dua tahun, insentif kewangan akan berikan sebanyak \$1,000 pada tahun pertama dan sebanyak \$1,500 pada tahun kedua.

Kami berharap kepada bakal majikan akan menyambut baik skim ini. Kami juga berharap pencari-pencari kerja tempatan akan merebut peluang ini.

Kami merancang sekitar 150 orang akan diberikan latihan setiap bulan dan bermakna sekitar seramai 1800 orang setahun akan mendapat faedah dari skim ini.

### ***Siapa Majikannya***

Kami mendapati ada tujuh jawatan dalam industri perdagangan, jual borong dan jual runcit yang digemari dan disanggupi oleh pencari-pencari kerja tempatan, iaitu Penyelia (*Supervisor*), Buruh (*Labourer*), Jurujual (*Shop Assistant*), Pemandu (*Driver*)/Penghantar (*Deliveryman*) dan Juruwang (*Cashier*).

Berdasarkan quota pekerja asing yang bekerja di syarikat-syarikat dalam industri perdagangan, jual borong dan jual runcit, kami mendapati ada lapangan atau peluang kerja untuk pencari-pencari kerja tempatan yang mengikuti latihan dalam Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) itu. Mereka dapat dijamin mendapat kerja setelah mengikuti skim berkenaan itu.

Soalnya: adakah majikan bersedia?

Kami percaya majikan-majikan yang dalam industri perdagangan, jual borong dan jual runcit akan mula mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan.

Kuota bagi pengambilan baru pekerja-pekerja asing bagi tujuh jawatan itu akan dibekukan.

Permohonan membaharui atau menyambung kuota pekerja asing bagi tujuh jawatan itu akan dibuat menurut kadarnya yang disesuaikan dengan bilangan pencari-pencari kerja tempatan yang telah dilatih.

Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) ini akan dimulakan secara formal pada 1 Oktober 2011. Pengambilan pekerja-pekerja tempatan dari kalangan peserta-peserta Skim Latihan ini akan bermula secara formalnya selepas enam bulan iaitu pada 1 April 2012.

Artinya: mulai 1 April 2012 akan datang majikan-majikan dalam industri yang dikenal pasti itu akan mengambil bekerja anak-anak tempatan di syarikat-syarikat mereka bagi tujuh jawatan yang dibekukan dan dikhususkan kepada pencari-pencari kerja tempatan itu.

Dalam pada itu, proses pengambilan anak-anak tempatan dalam jawatan-jawatan lain, jawatan-jawatan yang sebanding dengan tujuh jawatan tersebut adalah diteruskan seperti biasa menurut keperluan majikan-majikan dan adanya tenaga kerja tempatan yang bersedia mengisikannya. Misalnya jawatan-jawatan pelayan dan pembantu dapur di restoran-restoran.

Demikianlah. Butir-butir lanjut mengenai skim ini akan ditaklimatkan selepas ini.

Terima kasih.

و بالله التوفيق و الهداية  
والسّلام عليكم و رحمة الله و بركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri*

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
20 September 2011